

Soalan No.114

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA: Y.B DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN
SAID

TARIKH :

SOALAN :

Dato' Sri Azalina Binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik pengambilan pendatang asing yang bekerja di Malaysia sejak dari tahun 2010 hingga sekarang dan bagaimanakah mereka ini menjawab peluang pekerja tempatan.

PR-1322-T63135

Jawapan

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Dewan yang mulia, berdasarkan statistik yang keluarkan oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), bilangan pekerja asing yang bekerja di Malaysia dari tahun 2010 sehingga 2014 adalah seperti di Jadual 1:

Jadual 1: Statistik (Pas Lawatan Kerja Sementara) PLKS dari tahun 2010 hingga 2014

Tahun	Sektor						Jumlah Besar
	Pembantu Rumah	Pembinaan	Pembuatan	Perkhidmatan	Perladangan	Pertanian	
2010	247,069	235,010	672,823	165,258	266,196	231,515	1,817,871
2011	184,092	223,688	580,820	132,919	299,217	152,325	1,573,061
2012	542,106	293,747	186,328	138,015	127,752	115,434	1,403,382
2013	169,936	434,200	751,772	269,321	431,611	193,482	2,250,322
2014	166,350	420,208	716,068	254,577	361,623	180,806	2,099,632

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia

Kesan peluang pekerjaan pekerja tempatan

2. Pada dasarnya kemasukan pekerja asing ke dalam negara ini memang boleh menjasakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun kemasukan pekerja asing ke negara ini telah dikawal dengan baik bagi mengelakan mereka merampas peluang pekerjaan yang ada. Dalam keadaan ekonomi dan kadar pengangguran terkini hanya pada tahap 3% sahaja, keperluan ke atas pekerja asing masih lagi relevan bagi memastikan ekonomi negara tidak terjejas malah berkembang dengan lebih pesat.

3. Kerajaan melalui beberapa kementerian dan agensi berkaitan dari masa ke semasa mengkaji dan membuat peraturan-peraturan supaya pengambilan pekerja asing ini tidak memberi kesan kepada pekerja atau pencari kerja tempatan dan dalam masa yang sama boleh memajukan ekonomi negara. Di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:

- a) Jawatankuasa Kabinet Khas Mengenai Pekerja Asing Bil. 1/2006 telah memutuskan setiap majikan yang memohon pekerja asing dikehendaki mendapatkan sokongan dari Kementerian Sumber Manusia (KSM) dengan melaporkan kekosongan jawatan melalui portal JobsMalaysia supaya membolehkan pencari kerja rakyat tempatan diberi keutamaan. KSM melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) akan membantu majikan untuk mendapatkan pekerja tempatan.
- b) KSM melalui JTK akan membuat siasatan tentang keperluan sebenar guna tenaga yang diperlukan oleh majikan memohon bagi memastikan tidak ada pembuangan pekerja tempatan akan dibuat selepas mereka menggajikan pekerja asing.
- c) Sepanjang penggajian pekerja asing, pihak JTK juga akan menjalankan pemeriksaan ke atas majikan bagi memastikan pekerja-pekerja tempatan atau pekerja asing tidak didiskriminasikan dari aspek gaji dan faedah-faedah lain.
- d) Pihak kerajaan juga menetapkan dasar pekerja asing hanya akan dibenarkan bekerja dalam sektor-sektor dan sub-sektor tertentu dan sebagai pekerja asas sahaja yang mana di kenal pasti rakyat tempatan kurang berminat untuk menceburι bidang-bidang tersebut.
- e) Selain daripada itu, kerajaan telah membuat keputusan supaya tidak membenarkan pekerja asing untuk bekerja sebagai barisan hadapan (*frontliners*) sekaligus memberi ruang kepada rakyat tempatan untuk mengisi jawatan tersebut.

- f) Bagi memastikan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan tidak terjejas dan kemasukan pekerja asing tidak melebihi keperluan sebenar, kerajaan melalui agensi-agensi kawal selia, juga telah meletakan syarat-syarat tertentu seperti nisbah keluasan tanah dan jenis tanaman, nisbah bilangan ternakan dan jenis ternakan, nisbah nilai kontrak, jumlah eksport, nisbah pekerja tempatan kepada pekerja asing dan sebagainya.
4. Untuk makluman Dewan yang mulia, kerajaan sangat perihatin dengan dengan isu penggajian pekerja asing ini dan dari masa kesemasa akan mencari satu jalan yang terbaik bagi memasti semua pihak iaitu pekerja, majikan dan negara akan mendapat manfaat.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : Y.B. Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah statistik pengambilan kaum Cina dan India untuk kemasukan ke Matrikulasi dari tahun 2010 sehingga sekarang.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan tawaran kepada pelajar bagi Program Matrikulasi ambilan sesi 2014/2015 pada 24 April 2014. Sebanyak 28,000 tempat telah disediakan dengan agihan 90% diperuntukan kepada pelajar Bumiputera dan 10% kepada pelajar Bukan Bumiputera. Pelajar-pelajar ini akan mengikuti dua (2) jurusan iaitu Jurusan Sains dan Jurusan Perakaunan.